

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]**

**TARIKH : 15 MAC 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 2**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana rancangan penguntukan semula spektrum (*spectrum reassignment*) bagi jalur 900Mhz dan 1800Mhz telah dilaksanakan secara saksama. Apakah jumlah perolehan kewangan yang terhasil menerusi proses tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Saya pohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Bayan Baru pada 29 Mac 2016** kerana menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan **penguntukan semula spektrum**.

Spektrum adalah sumber negara yang terhad dan ia digunakan untuk memberi perkhidmatan tanpa wayar termasuk perkhidmatan bergerak. Di antara jalur spektrum yang digunakan bagi perkhidmatan bergerak adalah jalur 900MHz dan 1800MHz. Jalur ini sedang digunakan oleh tiga pemberi perkhidmatan melalui penguntukan radas (“Apparatus Assignment”) yang

## **SOALAN NO: 2**

perlu diperbaharui secara tahunan. Pengagihan spektrum di kedua-dua jalur tersebut adalah seperti berikut:

<b>Pemberi Perkhidmatan</b>	<b>Jumlah Lebar Jalur</b>	
	<b>900MHz</b>	<b>1800MHz</b>
<b>Celcom</b>	34MHz	50MHz
<b>Maxis</b>	32MHz	50MHz
<b>Digi</b>	4MHz	50MHz

Mengambil kira perkembangan teknologi serta peningkatan kualiti dan kelajuan termasuk liputan yang luas di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi perkhidmatan bergerak, Kerajaan mengambil pendekatan untuk mengagihkan semula spektrum di jalur 900MHz dan 1800MHz.

Objektif pengagihan semula ini adalah untuk menyelaraskan semula spektrum supaya jalur-jalur ini boleh digunakan dengan lebih efisien dan saksama. Di samping itu, pemberi perkhidmatan juga dapat menggunakan teknologi terkini di kedua-dua jalur tersebut.

Perancangan untuk pengagihan semula spektrum di kedua-dua jalur ini telah pun dimulakan sejak tahun 2010. Memandangkan bahawa beberapa faktor perlu diambil kira, di antaranya perkembangan teknologi, rationalisasi pasaran dan kaedah penguntukan, tempoh masa yang telah diambil untuk memuktamadkan perancangan ini adalah agak lama.

Penguntukan spektrum boleh dilakukan melalui tiga (3) kaedah iaitu secara pentadbiran, tender dan lelongan. Setakat ini, hanya dua kaedah yang digunakan iaitu pentadbiran dan tender.

## **SOALAN NO: 2**

Bagi jalur 900MHz dan 1800MHz, kaedah pengagihan spektrum yang digunakan sebelum ini adalah melalui pentadbiran dan bukan lelongan. Ini adalah bagi mengelakkan kemungkinan harga spektrum yang terlalu tinggi. Sekiranya ini berlaku, pemberi perkhidmatan akan menanggung kos spektrum yang tinggi. Ini akan memberi kekangan kepada pemberi perkhidmatan untuk membuat pelaburan dan peluasan rangkaian.

Dengan mengambil kira perkara-perkara yang disebutkan di atas, dalam pelaksanaan pengagihan semula spektrum, jalur 900MHz dan 1800MHz diagihkan secara saksama kepada empat (4) pemberi perkhidmatan utama iaitu Celcom, Maxis, Digi dan U Mobile.

Jumlah lebar jalur yang diagihkan kepada pemberi perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

<b>Pemberi Perkhidmatan</b>	<b>Jumlah Lebar Jalur</b>	
	<b>900MHz</b>	<b>1800MHz</b>
<b>Celcom</b>	20MHz	40MHz
<b>Maxis</b>	20MHz	40MHz
<b>Digi</b>	10MHz	40MHz
<b>U Mobile</b>	10MHz	30MHz

Pengagihan semula di kedua-dua jalur ini adalah melalui penguntukan spektrum (“Spectrum Assignment”) di mana tempoh penggunaan adalah selama 15 tahun. Ini adalah bertujuan supaya pemberi perkhidmatan mendapat jaminan jangka masa panjang dari segi pembangunan perniagaan dan peluasan rangkaian.

Pemilihan empat pemberi perkhidmatan ini adalah kerana mereka telah mempunyai asas infrastruktur yang boleh diperluaskan untuk

## **SOALAN NO: 2**

meningkatkan lagi daya saing dalam industri komunikasi. Selain itu, penambahan dari tiga (3) ke empat (4) pemberi perkhidmatan adalah untuk menggalakkan persaingan di dalam industri komunikasi.

Dengan pengagihan semula spektrum di jalur 900MHz dan 1800MHz, pemberi-pemberi perkhidmatan akan dikenakan harga spektrum Harga spektrum tersebut sedang dikaji dan akan ditentukan pada pertengahan tahun ini.